



**KEBERKESANAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TATABAHASA BAGI GURU
PELATIH UPSI**

NURUL NAJJAH BINTI HAMZAH



**LAPORAN KERTAS KERJA PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TATABAHASA BAGI GURU PELATIH UPSI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURUL NAJJAH BINTI HAMZAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PROJEK TAHUN AKHIR PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 Februari 2023.

i. Perakuan pelajar:

Saya, Nurul Najjah Binti Hamzah (D20191087882) dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk Keberkesanan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Tatabahasa Bagi Guru Pelatih Upsi adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan penyelia:

Saya, Mohd Ra'in bin Shaari dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Keberkesanan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Tatabahasa Bagi Guru Pelatih Upsi dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, saya dapat menyiapkan projek tahun akhir ini. Sesungguhnya dengan izin Tuhan, projek tahun akhir ini dapat disiapkan setelah melalui banyak ujian dan cabaran.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu, Encik Mohd Ra'in bin Shaari yang banyak mencurahkan ilmu, tenaga dan bantuan yang tidak ternilai harganya buat saya sepanjang tempoh saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Saya tidak mungkin dapat melengkapkan projek tahun akhir ini dengan sempurna tanpa nasihat, dorongan, tunjuk ajar dan bimbingan beliau.

Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang berkaitan, terutamanya Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK). Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menamatkan pengajian saya di sini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada ahli keluarga saya terutamanya ibu dan bapa saya kerana telah banyak berkorban bagi memastikan cita-cita saya tercapai. Terima kasih juga diucapkan kepada abang serta adik beradik saya yang sentiasa memberi sokongan supaya saya perbanyakkan bersabar dan meneruskan perjuangan dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Tidak dilupakan sahabat-sahabat seperjuangan saya terutamanya Muhammad Azri bin Ismail, Noorhanim Sofie binti Mahasan, Nura Syazwana binti Mohd Yati dan Nurul Izzaty binti Mohd Rozi kerana banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kerana sentiasa memberikan sokongan dan bantuan kepada saya sepanjang proses saya menyiapkan projek tahun akhir ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pemudahcaraan tatabahasa bagi kalangan guru pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan borang soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Sampel kajian ini pula terdiri daripada guru-guru pelatih yang menjalani proses latihan mengajar iaitu seramai 50 orang responden. Keseluruhannya, tahap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran pembelajaran tatabahasa bagi guru pelatih pada tahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden meletakkan persepsi yang positif terhadap bahan bantu mengajar. Selain itu, cabaran tertinggi yang dihadapi oleh responden adalah harga bahan bantu mengajar di pasaran agak tinggi dan menyukarkan guru pelatih untuk mendapatkannya. Akhir sekali, bahan bantu mengajar yang paling kerap digunakan oleh responden semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan adalah berbentuk elektronik iaitu aplikasi *Youtube*. Implikasi kajian menunjukkan bahawa kajian ini akan memudahkan para guru untuk mengetahui dengan lebih luas tentang bahan bantu mengajar yang boleh mereka guna untuk pengajaran yang akan datang. Namun begitu, pihak kementerian perlu mengadakan pelbagai kursus untuk membantu guru supaya mereka lebih kreatif dan dapat mengakses bahan bantu mengajar dengan lebih mudah.



Kata Kunci: Persepsi, guru pelatih, bahan bantu mengajar, pengajaran dan pembelajaran, Tatabahasa.



**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Persoalan Kajian	6
1.7 Hipotesis Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	6
1.9 Batasan Kajian	7
1.10 Kepentingan Kajian	8
1.11 Rumusan Bab	8



BAB 2 KAJIAN LITERATURE

2.1 Pendahuluan	9
2.2 Kajian Berkaitan	9

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	13
3.2 Reka Bentuk Kajian	13
3.3 Populasi dan Instrumen Data	14
3.4 Instrumen Kajian	14
3.5 Prosedur Pengambilan Data	17
3.6 Prosedur Penganalisan Data	18
3.7 Rumusan	19

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	20
4.2 Keperihalan Sampel	20
4.2.1 Taburan Responden Berdasarkan Latar Belakang	21
4.2.2 Persepsi Guru Pelatih Upsi Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Tatabahasa.	23
4.2.3 Cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih sepanjang mengendalikan bahan bantu mengajar	35
4.2.4 Kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru pelatih upsi sepanjang menjalani tempoh latihan mengajar.	47
4.3 Pengujian Hipotesis	60



BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan	62
5.2 Perbincangan Objektif Kajian	62
5.3 Perbincangan Hipotesis Kajian	64
5.4 Kesimpulan Kajian	65
5.5 Implikasi Kajian	65
5.6 Cadangan	67
5.7 Rumusan	70
Rujukan	71



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Peraturan Jumlah Responden Mengikut Jantina	19
4.2	Peraturan Jumlah Responden Mengikut Lokasi Sekolah	20
4.3	Peraturan Jumlah Responden Mengikut Jenis Sekolah	20
4.4	Peraturan Jumlah Responden Mengikut Aras Yang Diajar	21
4.5	Persepsi Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	22
4.6	Cabaran yang dialami oleh guru pelatih UPSI sepanjang mengendalikan bahan bantu mengaja	36
4.7	Jenis Bahan Bantu Mengajar	44
4.8	Perbezaan Persepsi Guru Pelatih Mengikut Jantina	59
4.9	Perbezaan Persepsi Guru Pelatih Mengikut Jantina	60



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Carta Alir Proses Perolehan Data	13
4.1	Persepsi Pertama Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	23
4.2	Persepsi Kedua Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	24
4.3	Persepsi Ketiga Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	25
4.4	Persepsi Keempat Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	26
4.5	Persepsi Kelima Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	27
4.6	Persepsi Keenam Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	28
4.7	Persepsi Ketujuh Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	29
4.8	Persepsi Kelapan Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	30
4.9	Persepsi Kesembilan Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	31
4.10	Persepsi Kesepuluh Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	32
4.11	Cabaran Pertama Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	34
4.12	Cabaran Kedua Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	35
4.13	Cabaran Ketiga Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	36
4.14	Cabaran Keempat Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	37
4.15	Cabaran Kelima Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	38

4.16	Cabaran Keenam Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	39
4.17	Cabaran Ketujuh Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	40
4.18	Cabaran Kelapan Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	41
4.19	Cabaran Kesembilan Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih	42
4.20	Persepsi Kesepuluh Guru Pelatih Terhadap Bahan Bantu Mengajar	43
4.21	Kekerapan Penggunaan Dam Ular Dalam Pengajaran	45
4.22	Kekerapan Penggunaan Permainan Puzzle Dalam Pengajaran	46
4.23	Kekerapan Penggunaan Kotak Beracun Dalam Pengajaran	47
4.24	Kekerapan Penggunaan Roda Impian Dalam Pengajaran	48
4.25	Kekerapan Penggunaan Kad Imbasan Dalam Pengajaran	50
4.26	Kekerapan Penggunaan Aplikasi <i>Kahoot</i> Dalam Pengajaran	51
4.27	Kekerapan Penggunaan Aplikasi <i>Word Wall</i> Dalam Pengajaran	52
4.28	Kekerapan Penggunaan Aplikasi <i>Quizzes</i> Dalam Pengajaran	53
4.29	Kekerapan Penggunaan Aplikasi <i>Youtube</i> Dalam Pengajaran	56
4.30	Kekerapan Penggunaan Aplikasi <i>Padlet</i> Dalam Pengajaran	57



SENARAI SINGKATAN

ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
ISM	Ijazah Sarjana Muda
DPLI	Diploma Pendidikan Lepas Ijazah
IPG	Institut Pendidikan Guru
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran





BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan perkara-perkara asas mengkaji kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Perkara tersebut termasuklah latar belakang, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, definisi operasional kajian dan kepentingan kajian.

1.2 LATAR BELAKANG

Guru pelatih merupakan pelapis kepada generasi pendidik pada masa yang akan datang. Untuk memasuki bidang pendidikan, seseorang individu mestilah melalui beberapa proses penting iaitu kursus perguruan terlebih dahulu. Individu yang telah mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) atau Institut Pendidikan Guru (IPG) pasti tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus tersebut. Namun, bagi individu yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda (ISM), mereka tidak boleh menjadi seorang guru tanpa mengikuti kursus perguruan terlebih dahulu. Mereka mestilah mengambil kursus perguruan tersebut setelah bergelar graduan dalam bidang yang telah mereka ceburi. Kursus tersebut dipanggil Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) dan akan berlangsung selama 1 tahun. Setelah tamat pengajian





mengenai ilmu pendidikan, barulah mereka dapat menjadi seorang guru pelatih seterusnya guru tetap dalam sektor pendidikan.

Dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), bahan bantu mengajar amat berguna dan boleh memudahkan urusan pengajaran para guru. Ini kerana bahan bantu mengajar dapat mengukuhkan lagi pemahaman pelajar tentang pembelajaran pada hari tersebut. Pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar juga dapat memberi keseronokan kepada pelajar kerana ianya diaplikasikan dalam bentuk gamifikasi. Menurut Mohd Suhaimi Omar, Noor Shah Saad dan Uzi Dollah (2017), murid akan mengaplikasikan segala maklumat dan rangsangan di sekitar mereka untuk dijadikan panduan kepada mereka untuk membina sesuatu pengetahuan atau pengalaman baru. Oleh hal yang demikian, seorang guru mestilah bijak dalam mengawal, mengurus, dan mentadbir jenis bahan bantu mengajar yang digunakan semasa pengajaran supaya dapat difahami dan diaplikasikan dengan betul oleh para pelajar. Selain itu, pemilihan bahan dan media sebagai bahan bantu mengajar juga amat penting untuk memberi keseronokan dan keselesaan kepada para pelajar untuk mempelajari topik yang ingin diajarkan oleh guru. Bahan atau media yang dipilih mestilah bersesuaian dengan topik yang ingin diajar pada hari tersebut mengikut rancangan pengajaran harian yang telah dirancang sebelum memulakan pengajaran.

Dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan tatabahasa, bahan bantu mengajar amat sesuai digunakan oleh para guru namun, ianya mestilah bersesuaian dengan tajuk dan kemahiran yang ingin dipupuk pada akhir pembelajaran. Antara bahan bantu mengajar yang sesuai digunakan oleh guru dalam pengajaran tatabahasa ialah roda putaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, kaedah ini akan memberi penglibatan kepada kesemua murid di dalam kelas. Hal ini sekali gus dapat merangsang minda pelajar dan meningkatkan pemahaman serta daya ingatan mereka. Dalam bidang Bahasa Melayu, aspek tatabahasa merupakan sebuah aspek yang sangat luas. Ianya juga merupakan unsur yang terpenting dalam bidang bahasa. Menurut Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Nur Farah Athirah Khuzaini (2014), tatabahasa perlu diajar kepada pelajar kerana dapat membantu seseorang pelajar itu membentuk frasa atau ayat sendiri.





Oleh hal yang demikian, penggunaan bahan bantu mengajar amat sesuai untuk digunakan dalam pengajaran tatabahasa Bahasa Melayu kerana dapat memberi penglibatan pelajar secara menyeluruh dan menimbulkan keseronokan dalam jiwa para pelajar. Teknik ini juga dapat digunakan dalam kesemua lapisan tahap penguasaan pelajar sama ada rendah, sederhana mahupun tinggi. Ianya dapat mengukuhkan ingatan pelajar tentang topik pembelajaran dalam tempoh masa yang lama.

Untuk menyiapkan kajian ini, pengkaji telah mengecilkan skop kajian mengikut objektif dan tujuan kajian tersebut dijalankan. Pengkaji telah mengfokuskan kajian ini kepada persepsi guru pelatih UPSI terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran tatabahasa, mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih sepanjang mengendalikan bahan bantu mengajar dan menganalisis kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan aspek tatabahasa Bahasa Melayu oleh guru pelatih bagi pelajar sekolah menengah.



Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik yang melibatkan responden seramai 50 orang guru pelatih dari UPSI. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah persepsi guru pelatih daripada UPSI mengenai kaedah bahan bantu mengajar dalam pengajaran aspek tatabahasa. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui apakah masalah dan cabaran yang sering dilalui oleh guru pelatih semasa mengendalikan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pemudahcaraan hari tersebut. Akhir sekali, kajian ini turut dilakukan untuk menjawab persoalan bahawa adakah guru pelatih sering menggunakan bahan bantu mengajar ini dalam proses pengajaran terutamanya pengajaran aspek tatabahasa.

Data diperoleh hasil daripada borang soal selidik yang diberikan merangkumi beberapa skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju. Kesemua data tersebut juga akan dihitung dan dianalisis serta diterjemahkan dalam rajah graf pada bahagian dapatan kajian.





1.3 PENYATAAN MASALAH

Meskipun sistem pendidikan sedang berkembang dengan pesat dalam penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), namun masih ada segelintir guru yang tidak menggunakannya dalam proses PdPc. Berdasarkan tinjauan yang telah dibuat berdasarkan kajian lepas, terdapat beberapa sebab atau punca yang dikemukakan oleh pengkaji lepas mengapa guru tidak menggunakan BBM.

Menurut Muhammad Haron Husaini, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Ahmad Shafiq Mat Razali, Diyak Ulahman Mat Saad, Syafiqah Mohd Hairon, Nur Hanani Hussin & Mohd Khamal Md Daud (2017), kebanyakan guru tidak memanfaatkan penggunaan bahan bantu mengajar berbentuk ICT semasa pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk menyediakan dan memasang bahan bantu mengajar tersebut di dalam kelas. Tambahan pula, kebanyakan guru tidak mempunyai kemahiran dalam mengendalikan ICT. Oleh hal yang demikian, kebanyakan guru menganggap bahan bantu mengajar berbentuk teknologi menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Menurut Yahya Othman (2009), kebanyakan guru lebih terikat dengan penggunaan buku teks semasa mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana guru menganggap penggunaan buku teks lebih mudah difahami oleh murid-murid. Di samping itu, penggunaan buku teks juga dapat menjimatkan masa dan wang ringgit guru tersebut untuk menyediakan bahan bantu mengajar. Hal ini kerana guru tidak perlu menghabiskan masa untuk membina atau mencipta bahan bantu mengajar. Selain itu, kebanyakan guru juga beranggapan bahawa penggunaan buku teks lebih menjimatkan masa mereka kerana mereka hanya perlu membaca dan menerangkan secara terperinci kepada murid tentang topik yang ingin diajar.

Arzizul Antin & Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli (2018), beban kerja yang berlebihan mempengaruhi guru dalam menggunakan BBM. Hal ini dikatakan demikian kerana tugas seorang guru bukan hanya tertumpu kepada pengajaran sahaja malah juga dalam urusan pentadbiran di sekolah. Selain itu, guru juga bertanggungjawab dalam mengendalikan kelas seperti menjadi guru kelas kepada





sesebuah tingkatan. Kesemua tugas ini telah mempengaruhi masa dan tenaga guru untuk mencipta dan menyediakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Oleh kerana wujudnya masalah penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru, pengkaji telah tertarik untuk mengkaji dan meninjau sendiri untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran tatabahasa, mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih sepanjang mengendalikan bahan bantu mengajar serta menganalisis kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pemudah caraan tatabahasa oleh guru pelatih.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran tatabahasa. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih sepanjang mengendalikan bahan bantu mengajar. Tujuan terakhir kajian ini dibuat adalah untuk menganalisis kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pemudahcaraan tatabahasa oleh guru pelatih UPSI sepanjang menjalani proses Latihan Mengajar 1.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1.5.1 Mengetahui persepsi guru pelatih terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran tatabahasa.

1.5.2 Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih sepanjang mengendalikan bahan bantu mengajar.

1.5.3 Menganalisis kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pemudahcaraan tatabahasa oleh guru pelatih.





1.6 PERSOALAN KAJIAN

1.6.1 Apakah persepsi guru pelatih UPSI terhadap penggunaan bahan bantu mengajar?

1.6.2 Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih UPSI semasa menggunakan bahan bantu mengajar?

1.6.3 Adakah guru pelatih UPSI kerap menggunakan bahan bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran?

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

- i. Tidak terdapat perbezaan persepsi penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru pelatih mengikut jantina.
- ii. Tidak terdapat perbezaan persepsi penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru pelatih mengikut jenis sekolah yang dipilih oleh guru pelatih sepanjang menjalani latihan mengajar.



1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Bagi memudahkan perbincangan dalam kajian ini, beberapa konsep atau istilah berikut telah didefinisi secara operasional dan dijelaskan dalam konteks kajian ini:

1.6.1 BAHAN BANTU MENGAJAR

Bahan bantu mengajar (BBM) ialah alat yang digunakan oleh para guru untuk memudahkan proses pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Bahan ini bukan sahaja terdiri daripada bahan maujud, malah juga diaplikasikan secara alam maya. Penggunaan bahan bantu mengajar ini dapat memberi kesan positif kepada minda murid dan merangsang minat mereka dalam pembelajaran harian.



1.6.2 TATABAHASA

Menurut Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Nur Farah Athirah Khuzaini (2014), dalam bidang pengajaran bahasa Melayu, aspek tatabahasa merupakan salah satu unsur penting. Aspek ini perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid untuk membolehkannya menguasai bahasa dengan cekap.

1.6.3 GURU PELATIH

Guru pelatih merupakan pelapis kepada generasi pendidik pada masa yang akan datang. Untuk memasuki bidang pendidikan, seseorang individu mestilah melalui beberapa proses penting iaitu kursus perguruan terlebih dahulu. Individu yang telah mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) atau Institut Pendidikan Guru (IPG) pasti tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus tersebut. Namun, bagi individu yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda (ISM), mereka tidak boleh menjadi seorang guru tanpa mengikuti kursus perguruan terlebih dahulu.

Mereka mestilah mengambil kursus perguruan tersebut setelah bergelar graduan dalam bidang yang telah mereka ceburi. Kursus tersebut dipanggil Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (DPLI) dan akan berlangsung selama 1 tahun. Setelah tamat pengajian mengenai ilmu pendidikan, barulah mereka dapat menjadi seorang guru pelatih seterusnya guru tetap dalam sektor pendidikan.

1.7 BATASAN KAJIAN

- i) Kajian ini dijalankan ke atas sekumpulan besar guru pelatih yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah menjalankan latihan mengajar di sekolah menengah.
- ii) Responden terdiri daripada 100 orang guru pelatih iaitu 50 orang guru pelatih lelaki dan 50 orang guru pelatih perempuan.



1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih dalam penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pemudahcaraan aspek tatabahasa Bahasa Melayu bagi pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga dapat membolehkan pengkaji untuk mengetahui cabaran yang telah dihadapi oleh guru pelatih sepanjang mengendalikan bahan bantu mengajar tersebut. Kepentingan seterusnya adalah untuk dianalisis oleh pengkaji mengenai kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru pelatih semasa mengendalikan proses pengajaran dan pemudahcaraan tatabahasa dalam Bahasa Melayu. Penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik dapat memberi kesan positif kepada minda pelajar seterusnya mengukuhkan daya ingatan mereka tentang topik yang telah mereka pelajari.

1.11 RUMUSAN BAB



05-

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat sejauh manakah penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru pelatih di UPSI semasa menjalankan proses PdPc di sekolah terutamanya bagi pelajaran tatabahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, masih terdapat segelintir guru yang menggunakan kaedah tradisional dan kebergantungan pada buku teks semata-mata semasa sesi pengajaran sudah tidak relevan lagi pada masa kini. Perkembangan teknologi yang pesat sangat menuntut para guru untuk bertindak aktif dan kreatif dalam merancang pengajaran dengan mengaplikasikan segala bentuk teknologi dan media dalam aktiviti pengajaran sebagai bahan bantu mengajar agar pembelajaran dalam bilik darjah lebih berkesan dan aktif. Oleh itu, pengkaji berharap agar dengan adanya kajian yang telah dilakukan ini sedikit sebanyak dapat memberikan pendedahan kepada guru tentang penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pemudah caraan terutamanya bagi bidang tatabahasa Bahasa Melayu.

